

16 penuntut USIM sertai program kemasyarakatan anjuran Kelab PRU

# Timba pengalaman di Maldives



PELAJAR Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menunjukkan cara menggunakan Mylman Kids Tab kepada sekumpulan kanak-kanak selepas majlis penyampaian sumbangan 20 unit gajet itu kepada pusat bimbingan kanak-kanak Islam, Dhondhooni Little Learners di Maldives, baru-baru ini.

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR  
utusanN9@utusan.com.my

**SEREMBAN** 24 Sept. - Seramai 16 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipilih untuk menyelami kehidupan masyarakat Islam di Maldives sekali gus menjayakan program kemasyarakatan di negara berkenaan, baru-baru ini.

Program enam hari itu dianjurkan oleh Kelab Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dengan kerjasama Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

Menurut pengarah program, Mohd. Alfaiz Salleh, kunjungan itu merupakan antara program di bawah Global Islamic Student Outreach (GISO) yang mendapat peruntukan khas universiti.

"Pemilihan Maldives sebagai destinasi program adalah kerana negara itu mempunyai majoriti penduduknya beragama Islam.

"Peserta berpeluang menimba pengalaman baharu mengenai amalan Islam, bahasa, juadah makanan dan budaya masyarakatnya di sana," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pelbagai pengisian diatur yang difokuskan kepada aktiviti kemasyarakatan termasuk me-

nyampaikan sumbangan 20 unit Mylman Kids Tab kepada pusat bimbingan kanak-kanak Islam, Dhondhooni Little Learners.

"Kita juga mengadakan gotong-royong bersama penduduk Pulau Villingili dan Pulau Hulhumale, pembersihan pantai dan Masjid Kalhu Yakuu di Pulau Male.

"Tetapi apa yang lebih berharga, peserta berpeluang berkongsi pengalaman dan berinteraksi silang budaya bersama pemimpin pelajar Maldives National University dan College of Islamic Studies Kulliyya," ujarnya.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
Islamic Science University of Malaysia

Peserta turut melawat bank Islam pertama di Maldives, Maldives Islamic Bank (MIB) yang diuruskan oleh rakyat Malaysia, Harith Harun selaku Ketua Pegawai Eksekutif.

Jelasnya, program sedemikian secara tidak langsung membolehkan peserta lebih terbuka menerima kepelbagaian dan keunikan yang ada di setiap negara.

"Komitmen tinggi penuntut menganjurkan program sebegini semangannya selari dengan harapan universiti untuk melahirkan pelajar berkepemimpinan tinggi dan mampu membawa nama USIM ke arus perdana dan antarabangsa," katanya.